

Headline	TNB idam rangkul treble		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Sukan	Page No	39
ArticleSize	256 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,282		



TNB idam rangkul *treble*

TENAGA Nasional Berhad (TNB) memasang impian untuk meraih kejuaraan *treble* musim ini selepas kejayaan merangkul Piala Sumbangsih dan Piala Liga TNB-MHL 2024.

Ketua Pegawai TNB Global Business Solutions (TGBS), Datuk Ahmad Hushairi Ibrahim berkata, kejayaan merangkul Piala Liga TNB-MHL 2024 dalam aksi di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil telah mengakhiri penantian selama 21 tahun yang kali terakhir memenanginya pada 2003.

“Ia adalah trofi kedua dimenangi TNB bagi musim ini, selepas merangkul Piala Sumbangsih pada 7 Februari. Syabas kepada ketua jurulatih, Nor Saiful Zaini Nasiruddin yang membimbing pasukan hoki TNB dan telah memamerkan prestasi cemerlang sepanjang aksi kejohanan liga.

“Bagi pihak pengurusan TNB, saya berharap agar

barisan pemain dapat mengekalkan prestasi yang cemerlang dan memberi tumpuan sepenuhnya pada perlawanan yang bakal diharungi bagi menjuarai Piala TNB sekali gus mencapai aspirasi memenangi tiga piala berganda (*treble*) buat kali pertamanya,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Pasukan TNB diketuai Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan bersama-sama 10 pemain kebangsaan serta pemain import berpengalaman dari Korea Selatan, Jang Jong-hyun muncul juara liga selepas menewaskan pendatang baru, JM Antsbees 22-1 dalam perlawanan terakhir pada Selasa.

Setakat ini, Azrai Aizad mendahului senarai penjaring terbanyak dengan 23 jaringan diikuti rapat oleh Jong-hyun dengan jumlah 20 jaringan.

“Kombinasi barisan per-

tahanan serta kemantapan pemain serangan berjaya mencatatkan perbezaan gol besar iaitu 82 jaringan apabila menjaringkan sejumlah 92 gol dan hanya dibolosi 10 gol daripada 10 perlawanan liga,” kata Hushairi.

Sementara itu, Nor Saiful berkata, TNB mendapatkan khidmat Jong-hyun bagi mempelajari dan meningkatkan kemahiran *drag flick* selain memperkukuhkan pasukan TNB.

Beliau merujuk kejayaan Syed Mohamad Syafiq yang kini berada di belakang Jong-hyun bagi jaringan menerusi *drag flick*.

“TNB mengambil langkah mendapatkan pemain import atas keperluan pembangunan kemahiran tertentu tanpa mengurangkan kebanggaan terhadap pemain tempatan yang terus diberi keutamaan,” katanya.



TNB muncul juara Liga MHL 2024 selepas membelasah JM Antsbeles dalam aksi terakhir liga di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, pada Selasa.